

## → SASTERA & BUDAYA

# Novel remaja kita masih ketinggalan

➔ Penerbitan buku, filem Barat mampu raih jutaan dolar

Oleh Hafizah Iszahanid  
hafiza@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Apakah titik persamaan antara novel bersiri popular JK Rowling, *Harry Potter* dengan *The Hunger Games* karya Suzanne Collins?

Persamaan kedua-dua naskhah itu pada kedudukan sama dengan siri *Twilight* tulisan Stephenie Meyer dan *The Lightning Thief* (Rick Riordan), iaitu dikategorikan sebagai *young adult* yang merujuk kepada pembaca remaja berusia 12 hingga 18.

Dunia penerbitan Barat sama ada dalam bentuk buku atau filem meraih ratusan jutaan dolar menerusi karya *young adult*, tetapi di negara ini, hal itu belum berlaku.

Malah, definisi *young adult* itu tidak dapat dipastikan apakah sama arasnya dengan naskhah novel remaja yang diterbitkan

di Malaysia.

Pensyarah Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi (FBMK), Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Halis Azhan Mohd Hanafiah, berkata sukar untuk membandingkan kedua-duanya kerana di Barat sendiri istilah itu sudah digunakan dengan terlalu meluas.

### Istilah meluas

“Malah, ada pelbagai pandangan mengenai kelompok remaja.

“Secara peribadi, saya lebih cenderung mengesyorkan istilah *adolescent literature* bagi kesusasteraan remaja, tetapi istilah *young adult* digunakan secara meluas di Barat bagi genre ini,” katanya.

Halis Azhan berkata, usia watak remaja dalam novel remaja sepatutnya dibataskan secara ketat pada rangkuman usia antara 12 hingga 18 sahaja.

Bagaimanapun, bukan hanya di Barat, dalam kalangan sarjana sas-



Halis Azhan pada Seminar Sastera Kanak-Kanak dan Remaja Ke-7 di Kuala Lumpur, baru-baru ini.



Usia watak remaja dalam novel remaja sepatutnya dibataskan secara ketat pada rangkuman usia antara 12 hingga 18 sahaja”

Halis Azhan  
Mohd Hanafiah,  
Pensyarah, Jabatan Bahasa  
Melayu, FBMK, UPM

tera tempatan juga, usia watak remaja itu sangat beragam.

“Usia wataknya mungkin antara usia 12 hingga 18; 11-18; 12-20 dan 12-20, berbeza mengikut pandangan sarjana.

“Dalam konteks negara ini, Dr Othman Puteh mencadangkan usia remaja adalah antara 12 hingga 20, manakala Abdul Ahmad (1991) pula antara 13 hingga 20 tahun,” katanya.

Halis Azhan berpandangan, watak melangkaui 18 tahun ke atas sewajarnya digelar sebagai ‘awal dewasa’ atau *new adult* seperti diperkenalkan Deborah Halverson.

Golongan awal dewasa dikatakan mengalami transisi daripada usia remaja ke dewasa dan menghadapi masalah identiti diri, ketidakstabilan (emosi) dan terbuka kepada segala kemungkinan.

Tegas Halis Azhan, dari segi psikologi, golongan itu tidak ingin dianggap sebagai kanak-kanak lagi

dan pada masa sama berusaha mendekati dunia dewasa.

### Kritis, kreatif, imaginatif

“Selain itu, golongan ini mengalami perubahan yang berterusan dari segi biologi, fizikal, kognitif, emosi, sosio emosi, psiko sosial, moral dan bahasa.

“Novel remaja seharusnya karya sastera yang kreatif, kritis dan imaginatif digarap oleh penulisnya dengan tujuan yang khusus.

“Ia bertujuan menggambarkan watak protagonis dengan aspirasi ‘remaja’ dalam dunia remaja masing-masing,” katanya.

Beliau berkata, novel remaja berlegar dalam isu dan persoalan yang membabitkan golongan itu dalam rangkuman usia antara 12 hingga 18 tahun

“Dalam konteks penulisan dan penerbitan novel remaja di negara kita, batasan usia ini lumrah ditemukan dalam karya sastera remaja yang sedemikian,” katanya.

[FOTO NURUL SHAFINA JEMENON/BH]